

# Penasihat tidak berhubung dengan pengurusan tertinggi Proton

UM - 8 SEP 2005

KUALA LUMPUR 7 Sept. — Penasihat Proton Holdings Bhd. (Proton), Tun Dr. Mahathir Mohamad berkata, beliau tidak berhubung dengan pengurusan tertinggi syarikat kereta nasional itu.

Sehubungan itu, beliau memberitahu, masa depan Proton bergantung kepada pihak pengurusan dan lembaga pengarah syarikat kereta nasional itu.

“Terpulang kepada pengurusan dan lembaga untuk menentukannya,” katanya kepada pemberita di sini hari ini ketika ditanya mengenai hubungannya dengan pengurusan tertinggi Proton ketika ini.

Pada 25 Julai lalu, kontrak Tengku Tan Sri Mahaleel Tengku Ariff sebagai Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) tidak dilanjutkan apabila tamat pada 30 September ini.

Dengan langkah berkenaan, tugas-tugas Tengku Mahaleel diambil alih Ketua Pegawai Operasi Bersama yang disandang oleh dua ahli Lembaga Pengarah Proton.

Mereka ialah Pengarah Operasi, Datuk Kisai Rahmat dan Ketua Pegawai Eksekutif Proton Tanjung Malim, Datuk Kamarulzaman Darus.

Mengenai laporan bahawa Proton akan menghentikan rancangannya di China, Dr. Mahathir berkata:

“Saya tidak tahu. Saya tidak diberitahu mengenai perkara ini tetapi awak akan mengetahui lebih banyak perkara yang tidak kena dengan Proton sekarang.

“Saya tidak suka memberi komen mengenainya kerana ia adalah hak keistimewaan pengurusan. Mereka akan menentukannya.”